

PERANAN SEKTOR AWAM DALAM PEMBANGUNAN PELANCONGAN: KAJIAN DI PULAU PELANCONGAN DI MALAYSIA

THE ROLE OF PUBLIC SECTOR IN TOURISM DEVELOPMENT: REVIEW OF TOURISM ISLANDS IN MALAYSIA

Khofizhoah Mohd Karim¹

Pusat Inovasi dan Pengkomersilan,
Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia
(Email: fizhoah@uum.edu.my)

Mohd Fo'ad Sakdan²

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni,
Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Malaysia
(Email: mfs@unimap.edu.my)

Accepted date: 20-04-2019

Published date: 30-06-2019

To cite this document: Karim, K. M., & Sakdan, M. F. (2019). Peranan Sektor Awam dalam Pembangunan: Kajian di Pulau Pelancongan di Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 4(15), 57-65.

DOI: 10.35631/JTHEM.415006

Abstrak: Sektor awam merupakan agensi kerajaan yang berperanan merancang dan membangunkan pembangunan di sesebuah kawasan. Peranan sektor awam perlu selari dengan misi dan visi organisasi. Peranan sektor awam yang kurang jelas dalam pembangunan menyebabkan pelbagai isu timbul seperti perancangan pembangunan yang kurang sistematik, sistem penyampaian maklumat yang kurang efisien, pertindihan tanggungjawab antara sektor awam dan pengagihan bantuan kewangan yang kurang cekap kepada masyarakat setempat. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat peranan sektor awam dalam pembangunan pelancongan di Pantai Chenang. Kajian kualitatif dijalankan dalam kalangan masyarakat setempat dan pegawai sektor awam. Sejumlah tujuh orang informan terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati bahawa perancangan pembangunan yang dilakukan oleh sektor awam kurang melibatkan masyarakat secara bersama. Di samping itu, maklumat berkaitan pembangunan di Pantai Chenang tidak sampai kepada masyarakat setempat. Bantuan kewangan dan inisiatif kerajaan yang diberikan hanya memberi manfaat kepada golongan tertentu sahaja. Peranan sektor awam yang bertindih antara agensi turut menyukarkan masyarakat dalam memberikan pendapat dan idea berkaitan pembangunan. Oleh itu, sektor awam perlu menambahbaik perancangan pembangunan, sistem penyampaian, peranan agensi-agensi berkaitan dan pengagihan bantuan kewangan kepada masyarakat. Hubungan yang baik antara sektor awam dan masyarakat perlu ditingkatkan supaya perancangan pembangunan di Pantai Chenang berjalan dengan lancar. Peranan sektor awam penting dalam pembangunan pelancongan di Pantai Chenang yang dilihat sebagai peneraju dalam mencapai *Premier Beach Resort Destination in Asia Pacific*.

Kata Kunci: Peranan Sektor Awam, Pembangunan Pelancongan, Pantai Chenang

Abstract: *The public sector is a government agency in charge of planning and developing development in an area. The role of the public sector needs to be aligned with the mission and vision of the organization. The underlying role of the public sector in development has led to a number of issues arising such as less systematic development planning, less efficient information delivery systems, overlapping public-sector responsibilities and less efficient allocation of financial aid to local communities. Thus, this study was conducted to see the role of the public sector in the development of tourism in Pantai Chenang. Qualitative studies are conducted among local communities and public sector officials. A total of seven informants were involved in this study. The findings show that development planning carried out by the public sector is less involving the community. In addition, information on development in Pantai Chenang does not reach the local community. The financial assistance and government initiatives provided only benefit certain groups. The role of the public sector overlapping between agencies has made it difficult for the public to give opinions and ideas about development. Therefore, the public sector needs to improve the development planning, delivery system, the role of relevant agencies and the distribution of financial assistance to the community. Good relations between the public and community sectors need to be improved so that development planning in Pantai Chenang goes smoothly. The role of the public sector is important in the development of tourism in Pantai Chenang which is seen as a leader in achieving Premier Beach Resort Destination in Asia Pacific.*

Keywords: *Role of Public Sector, Tourism Development, Chenang Beach*

Pengenalan

Pembangunan di sesebuah kawasan memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang bersistematik. Pembangunan yang dilaksanakan sama ada pada peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan, perlu mengikut standard yang telah ditetapkan.

Sistem kerajaan di Malaysia mengandungi tiga peringkat pentadbiran iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Ketiga-tiga peringkat ini bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan memenuhi keperluan masyarakat secara menyeluruh (Jusoh, H., & Ahmad, 2009; Zakaria & Che Razak, 2011).

Dalam sektor awam, kerajaan tempatan merupakan sektor awam yang paling dekat dengan masyarakat. Kerajaan tempatan ataupun pihak berkuasa tempatan merupakan unit kepada kerajaan persekutuan (Nahappan et al., 1970). Sektor awam di peringkat tempatan berperanan dalam memastikan bahawa perancangan yang dilakukan di peringkat atas dapat dilaksanakan di peringkat bawahan.

Dalam pentadbiran kerajaan tempatan, struktur pentadbiran sesebuah agensi kerajaan mempunyai fungsi dan peranan yang berbeza. Walaupun fungsi dan peranan berbeza bagi setiap agensi, namun begitu, terdapat pertindihan kuasa pentadbiran antara agensi kerajaan apabila fungsi agensi-agensi kerajaan ini saling berkait antara satu sama lain. Ini kerana dalam satu konteks pentadbiran kerajaan, pembangunan di sesebuah kawasan menjadi agenda utama agensi-agensi kerajaan tempatan (Chan, Sarah, Halimaton Saadiah, & Rahimah, 2010).

Hill (1974) mendefinisikan kerajaan tempatan sebagai satu unit sistem wilayah yang ditentukan oleh sempadan, identiti, struktur, kuasa dan tanggungjawab yang telah diperakukan pada

peringkat persekutuan. Yahaya (2015) pula mengulas bahawa perancangan pembangunan oleh sektor awam memerlukan ketelitian perancangan, persediaan sebelum melaksanakan pembangunan dan kesedaran masyarakat yang terlibat di kawasan pembangunan. Oleh itu, sebelum pembangunan dilaksanakan, sektor awam perlu melihat kepada kesediaan masyarakat setempat terhadap perubahan yang berlaku dalam jangka masa panjang. Peranan sektor awam penting dalam memastikan bahawa pembangunan yang dilaksanakan memenuhi keperluan masyarakat dan pelancong.

Kajian Literatur

Penglibatan Sektor Awam dalam Pembangunan

Kerajaan tempatan mengamalkan amalan demokrasi, pemecahan kuasa, akauntabiliti, menggalakkan pertumbuhan, memperkukuhkan pentadbiran, pembentukan idea dan projek baru, memperlihatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran, mematuhi *Standard Operation Procedure* (SOP) dan berada di bawah pentadbiran kerajaan negeri (Singaravelloo, 2008; Tayib, 1996; Zakaria & Che Razak, 2011). Kerajaan tempatan merupakan satu unit atau institusi pemerintahan yang mempunyai kawalan berkaitan hal-hal tempatan dan menjaga kebajikan dan kesejahteraan masyarakat di sesebuah kawasan (Hill, 1974). Ini bermaksud bahawa kerajaan tempatan ini dikawal dan ditadbir oleh agensi-agensi yang berkaitan dengan kementerian dan jabatan kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri. Sektor awam di peringkat tempatan berperanan dalam memastikan bahawa projek pembangunan yang dirancang di peringkat persekutuan dapat dilaksanakan di peringkat tempatan.

Sektor awam tempatan ini merupakan pihak perancang yang merancang pembangunan di kawasan pentadbiran mereka. Justeru itu, peranan dan tanggungjawab umum sektor awam tempatan ini; (i) untuk mengatur, mengawal, merancang pemajuan, merancang penggunaan semula tanah dan bangunan dalam kawasan pentadbiran, (ii) untuk berusaha, membantu dan menggalakkan penyebaran aktiviti berkaitan dengan perancangan bandar dan desa; dan (iii) untuk melaksanakan tugas-tugas lain yang diamanahkan oleh pihak berkuasa negeri dan jawatankuasa perancang negeri (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2007; Nahappan et al., 1970).

Setiap sektor awam tempatan mempunyai misi dan strategi yang tersendiri bergantung kepada bidang tugas dan tanggungjawab agensi berkenaan. Bermula daripada strategi yang dinyatakan dalam Rancangan Jangka Panjang, strategi yang dilaksanakan di peringkat tempatan perlu selari dengan strategi di peringkat persekutuan. Bagi mencapai maksud tersebut, projek pembangunan perlu melalui proses-proses yang telah ditetapkan, memenuhi standard dan keperluan ekonomi, sosio-budaya, fizikal dan persekitaran di kawasan yang dibangunkan.

Terdapat lebih 50 undang-undang dan peraturan tentang perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan di sesebuah kawasan (Abdullah, Harun, & Abdul Rahman, 2011). Projek pembangunan yang terkandung dalam pelan pembangunan tidak dirancang dengan baik akan menyebabkan berlakunya kelewatan dan tidak mencapai tarikh siap projek. Situasi ini akan mengundang aduan daripada masyarakat tentang perkhidmatan yang disediakan oleh sektor awam (Hashim, 2010).

Projek pembangunan yang mengikut piawaian yang ditetapkan mempunyai ciri-ciri seperti mempunyai objektif-objektif pembangunan yang jelas, projek yang lengkap, mempunyai semua komponen yang diperlukan dalam pembangunan, mencapai objektif-objektif

pembangunan tersebut dan terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas untuk pelaksanaan dan penggunaan sumber-sumber (Unit Perancang Ekonomi, 2009).

Konsep pembangunan yang berasaskan kepada nilai-nilai murni sejagat dijadikan landasan dalam membentuk prinsip, strategi dan model pembangunan negara. Projek pembangunan yang menjelaskan matlamat, strategi, sasaran dan kaedah pelaksanaan pembangunan berupaya mensejahterakan masyarakat di kawasan sekitar (Dasimah & Leh, 2009).

Kajian ini memberi penekanan kepada peranan dan tanggungjawab sektor awam dalam pelaksanaan projek pembangunan di kawasan kajian. Sektor awam yang terlibat dalam melaksanakan perancangan pembangunan dikaji bagi melihat keberkesanan peranan mereka dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di kawasan kajian. Maklum balas masyarakat terhadap sektor awam yang terlibat ini menjadi ukuran kepada keberkesanan peranan sektor awam dalam pembangunan secara menyeluruh.

Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan data. Informan dipilih dalam kalangan masyarakat setempat dan pegawai sektor awam. Seramai tujuh orang informan terlibat dalam kajian ini. Informan sektor awam diwakili oleh pegawai sektor awam yang menguruskan pembangunan di Pantai Chenang seperti Unit Perancang Ekonomi (UPEN), Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah Semenanjung Malaysia (JPBD) dan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP). Wakil masyarakat pula dipilih berdasarkan kepada pengetahuan mereka dan kewibawaan yang dimiliki bagi mewakili masyarakat di Pantai Chenang. Secara umumnya, bilangan informan bagi tujuan temu bual bergantung kepada tema-tema kajian, isu-isu baru yang timbul dan penjelasan lanjut diperlukan setelah analisis data kuantitatif diperolehi.

Kajian ini menggunakan temu bual berstruktur sebagai proses mendapat pandangan daripada informan. Soalan-soalan dibentuk untuk mendapat pandangan sektor awam dan wakil masyarakat berkaitan penglibatan sektor awam dan masyarakat. Soalan-soalan ini ditujukan kepada pegawai yang mempunyai pengetahuan tentang pembangunan di Pantai Chenang. Selain itu, soalan-soalan yang diajukan kepada wakil masyarakat lebih menjurus kepada pembangunan di Pantai Chenang dari perspektif masyarakat.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dengan menggunakan perisian Atlas t.i, data kualitatif dianalisa berdasarkan tema. Hasil kajian mendapati bahawa berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, terdapat lima tema yang dikenal pasti iaitu (1) perancangan pembangunan, (2) penyampaian maklumat, (3) bantuan kewangan dan inisiatif kerajaan, (4) penyelarasan tanggungjawab dan peranan sektor awam, dan (5) hubungan baik antara sektor awam dan masyarakat.

Perancangan Pembangunan

Melalui temu bual yang dijalankan, didapati bahawa perancangan pembangunan yang dilaksanakan di Pantai Chenang, tidak melalui perbincangan dan mesyuarat bersama masyarakat. Wakil masyarakat 1 menyatakan,

Masyarakat di Pantai Chenang ni kalau boleh nak sertai semua perancangan pembangunan supaya kita senang boleh memberi pandangan dan pendapat kalau ada yang tidak memenuhi keperluan kita.

Malah, wakil masyarakat 2 turut mengakui,

Kami suka kalau boleh bentuk Rancangan Tempatan atau Rancangan Kawasan Khas, bukan la semua nak kena ikut kita, tapi kalau boleh kita pun nak bersama juga dalam perancangan pembangunan di sini.

Masyarakat hanya mengetahui tentang perancangan pembangunan hanya melalui Publisiti Awam yang diadakan oleh sektor awam. Masyarakat tidak diberi kebebasan untuk memberi pendapat dan pandangan berkaitan projek pembangunan di Pantai Chenang. Bagi pihak sektor awam, pelbagai perkara diambil kira sebelum melibatkan masyarakat dalam pelan pembangunan kerana penglibatan masyarakat menyukarkan proses membuat keputusan dan proses pelaksanaan akan menjadi perlahan. Faktor-faktor teknikal dan perundingan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam pembinaan perlu diambil kira kerana pegawai JKR pakar dalam pembangunan. Pegawai UPEN berkata,

Kebanyakan penduduk tak terlibat secara langsung dengan pembangunan, contoh jalan, kerajaan dah cadang nak alignment jalan ke arah tu (Jalan Pantai Chenang), maka kerajaan tetap kepada alignment yang dah ditentukan dengan mengambil kira faktor-faktor teknikal.

Penyampaian Maklumat

Sektor awam dilihat kurang efisien dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat di Pantai Chenang. Antara usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah menyediakan pelan pembangunan yang lebih baik kepada masyarakat setempat iaitu Rancangan Tempatan Langkawi 2030. Dalam Rancangan Tempatan Langkawi 2030 ini, pelbagai inisiatif dibentuk bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat dan pelancong. Dalam Rancangan Tempatan Langkawi 2030 mendapati bahawa banyak perancangan pembangunan melibatkan empat Kluster Pelaburan Khusus (KPK) yang menyediakan pelbagai peluang perniagaan, pekerjaan dan pelaburan kepada masyarakat setempat. Pegawai MPLBP mengulas bahawa,

Dalam Rancangan Tempatan Langkawi 2030 ini, perancangan menyeluruh dan bersepadu di Pantai Chenang sebab kerajaan ingin memfokus kepada pembentukan persikataran destinasi pelancongan di Pantai Chenang yang bertaraf antarabangsa, supaya nampak lebih menarik, kondusif dan mesra pengguna.

Pembangunan yang dirancang dalam Rancangan Tempatan Langkawi 2030 ini merupakan usaha kerajaan kepada masyarakat sehingga tahun 2030. Usaha kerajaan ini diteruskan dengan mendengar keperluan dan kehendak masyarakat setempat di Pantai Chenang. Malah, sektor awam mengadakan hubungan yang baik dengan masyarakat setempat. Melalui pendekatan ini, penglibatan sektor awam yang sebelum ini dilihat kurang memuaskan oleh masyarakat setempat, berupaya mengubah pandangan berkenaan.

Bantuan Kewangan dan Inisiatif Kerajaan

Hasil dapatan menunjukkan bahawa masyarakat tidak dimaklumkan tentang bantuan kewangan yang disediakan oleh sektor awam kepada masyarakat Pantai Chenang. Masyarakat mengharapkan supaya sektor awam lebih telus dalam memberikan maklumat tentang bantuan kewangan yang disediakan kerana bantuan yang disalurkan berupaya membantu masyarakat setempat dalam pelbagai aspek. Ini bagi memudahkan proses agihan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan dalam menjalankan aktiviti perniagaan dan komersial. Bagi

wakil masyarakat 1 dan wakil masyarakat 2, mereka mengakui bahawa kadang kala bantuan kewangan yang disediakan oleh agensi-agensi tertentu kurang dihebahkan kepada masyarakat. Terdapat segelintir masyarakat yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan bagi pertanian dan perikanan, mengharapkan bantuan yang disalurkan oleh kerajaan. Menurut masyarakat 1 dan wakil masyarakat 2:

Kalau ada bantuan kewangan oleh kerajaan, kita mahu sangat, terutama kalau bantuan kewangan pertanian atau perikanan, tapi sebab kita tidak tahu bila adanya bantuan tersebut, sukar juga untuk kita memohon.

Kan senang kalau bagitau kat masyarakat pasal bantuan kewangan, bagitau melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau ketua kampung pun dah ok, kita mesti usaha juga mohon.

Selain daripada hebahan maklumat yang tidak kesampaian kepada masyarakat, prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh sektor awam menyukarkan proses permohonan bantuan. Masyarakat berpandangan bahawa mereka sukar untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Pengerusi JKKK1 menyatakan bahawa,

Kerajaan ada menyediakan bantuan kewangan kepada golongan belia, tetapi kita tak tau bila bantuan tu nak bagi sebab kerajaan tak buat hebahan kepada masyarakat. Bila dah ada kemahiran, pergi ke sektor awam untuk bantuan nak memulakan perniagaan, nak meniaga, macam-macam sektor awam minta. Mereka mana la pandai nak buat kertas kerja nak minta bantuan.

Situasi ini diakui oleh pegawai MPLBP yang menyatakan bahawa bantuan kewangan oleh kerajaan mempunyai prosedur yang agak rumit bagi yang kurang pengalaman. Namun begitu, bagi individu yang mempunyai matlamat dan cita-cita untuk menjalankan perniagaan, mereka akan berusaha. Menurut beliau:

Kerajaan nak bagi dana, tentulah macam-macam yang diperlukan, cuma perlu usaha sedikit sahaja, dokumen lengkap, tentu berjaya.

Penyelarasan Tanggungjawab dan Peranan Sektor Awam

Masyarakat berpandangan bahawa berlakunya pertindihan tanggungjawab dalam kalangan sektor awam yang menyukarkan pembangunan di Pantai Chenang. Penyelarasan penglibatan sektor awam sukar dicapai kerana setiap agensi mempunyai tanggungjawab masing-masing. Bagi pegawai UPEN, dalam proses pemutihan di Pantai Chenang, masyarakat perlu mematuhi peraturan dan undang-undang yang sedia termasuklah mematuhi keperluan teknikal pembinaan bangunan, syarat oleh agensi keselamatan dan prosedur yang ditetapkan oleh MPLBP kerana kegagalan pengusaha di Pantai Chenang mematuhi peraturan yang telah ditetapkan boleh menyebabkan kebakaran, kebocoran air dan gas atau sistem perparitan terjejas. Namun begitu, disebabkan pembangunan di Pantai Chenang berada di bawah pelbagai sektor awam, ini menyukarkan dalam proses pelaksanaan peraturan dalam kalangan masyarakat dan pengusaha. Menurut beliau,

Pelan pemutihan pun dapat mengurangkan banyak keperluan dan tuntutan teknikal, hanya perlu patuhi syarat bomba dan prosedur pembentungan. Perkara-perkara lain

masih lagi diberi kelonggaran. Cumanya kalau ada individu yang teroka Tanah Rizab Kerajaan, memang kena roboh la.

Bagi pegawai JPBD, proses pemutihan yang dilaksanakan menimbulkan pelbagai reaksi daripada masyarakat. Beliau menyatakan bahawa kebanyakan masyarakat menganggap proses pemutihan ini telah menjejaskan sumber pendapatan mereka di Pantai Chenang dan mengundang pelbagai tindakan daripada masyarakat. Beliau menganggap bahawa sikap masyarakat yang tidak mahu dibantu dan berubah sebenarnya tidak memberi kepentingan kepada mereka. Beliau mengulas,

Sektor awam nak bantu masyarakat tetapi kadang-kadang masyarakat menganggap kerajaan kacau periuk nasi mereka dan mereka tidak mahu ditolong sebab mereka hanya mementingkan untung dan rugi saja tanpa memikirkan dalam skop yang lebih luas dan dalam jangka masa panjang.

Hubungan Baik Antara Sektor Awam dan Masyarakat

Hubungan yang baik diterapkan dalam kalangan masyarakat dan sektor awam yang bertanggungjawab di Pantai Chenang. Antara aktiviti yang dijalankan ialah perjumpaan selepas Publisiti Awam diadakan bagi mengeratkan hubungan dengan masyarakat di Pantai Chenang. Perjumpaan yang diadakan bertujuan untuk menyatakan rasa terima kasih atas sumbangan pendapat dan idea yang diberikan oleh masyarakat kepada kerajaan. Usaha ini merupakan satu cara untuk menyatakan penghargaan kerajaan kepada masyarakat. Menurut pegawai JPBD,

Kita buat *engagement* dengan penduduk di Pantai Chenang walaupun di luar skop proses strata, bila nak laksanakan pembangunan, kita buat lagi *engagement* sama ada untuk bayaran pampasan ataupun memberi bayaran sagu hati kepada pemilik bangunan yang terlibat dalam pembangunan, kadang-kadang kita buat perjumpaan sebagai satu cara nak ucapkan terima kasih kepada mereka.

Selain daripada itu, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) turut mempunyai perancangan bersama masyarakat melalui penganjuran karnival, seminar dan ceramah. Menurut beliau, LADA sentiasa menganjurkan ceramah atau seminar kepada belia bagi mengeratkan hubungan antara kerajaan dan masyarakat. Melalui penganjuran aktiviti setiap bulan ke kampung-kampung yang telah dikenal pasti, memberikan peluang kepada kerajaan memahami aspirasi golongan belia ini. Pegawai LADA 1 mengulas bahawa,

LADA ada target untuk group tertentu, kita buat *engagement* dengan belia dan buat *engagement* dengan sekolah seperti memberi insentif kepada pelajar cemerlang di sekolah. LADA juga menganjurkan karnival atau seminar yang melibatkan belia, kita turun ke kampung-kampung, buat *engagement* walaupun pada bulan puasa. LADA buat ceramah agama sebab kita nak *close to the community*.

Penglibatan sektor awam dalam melaksanakan pembangunan di Pantai Chenang bukanlah sesuatu yang mudah. Walaupun perancangan dibuat memakan masa yang lama, namun begitu, penyelarasan tugas dan tanggungjawab antara sektor awam yang menguruskan Pantai Chenang penting dalam memastikan kejayaan pembangunan di kawasan berkenaan. Bantuan kewangan bagi menjalankan perniagaan dan komersial disampaikan kepada masyarakat yang layak menerima bantuan tersebut. Oleh itu, adalah penting jalinan hubungan antara masyarakat dan sektor awam perlu dilakukan bagi mendapatkan kepercayaan masyarakat terhadap kerajaan

terutama dalam pembangunan yang dirancang, penganjuran bengkel, kursus dan latihan yang dilihat berupaya membantu masyarakat menghadapi persaingan ekonomi di Pantai Chenang.

Kesimpulan

Sektor awam memainkan peranan penting dalam merangka, membentuk, merancang dan melaksanakan pembangunan di Pantai Chenang. Isu ketidaksampaian maklumat terhadap masyarakat bukanlah isu yang baharu kerana setiap sektor awam mempunyai saluran untuk menyampaikan maklumat dan hebahan kepada masyarakat. Malah, pelbagai inisiatif telah dilakukan supaya setiap masyarakat mendapat manfaat melalui acara-acara kerajaan.

Di samping itu, isu berkaitan peranan sektor awam seperti LADA, Majlis Bandaraya Pelancongan Langkawi, Majlis Amanah Rakyat (MARA), TEKUN Nasional (TEKUN) atau syarikat-syarikat swasta perlu diberi perhatian. Ini kerana bantuan dana, bantuan latihan, bantuan perkakasan atau lain-lain bantuan berkaitan perlu diperkemas kerana berlaku keciciran dalam pembahagian kemudahan kepada masyarakat setempat. Melalui temu bual bersama pegawai agensi awam, menjelaskan bahawa walaupun banyak bantuan disediakan, namun, penglibatan masyarakat dalam kursus atau latihan sebelum bantuan diberikan amat sedikit. Kebanyakan yang hadir merupakan masyarakat di luar Pantai Chenang yang dilihat bijak mengambil peluang dan ruang yang disediakan. Sehubungan itu, adalah penting kajian ini diadakan bagi melihat peranan agensi-sektor awam dalam membantu masyarakat setempat dalam pembangunan pelancongan di Pantai Chenang.

Kerajaan tempatan yang efisien dan efektif sangat dianjurkan dalam pentadbiran dalam kalangan sektor awam di Pantai Chenang. Apabila sektor awam dikatakan berjaya memainkan peranan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan, ini selaras dengan konsep efektif dan berkesan yang perlu diterap dalam kalangan kakitangan sektor awam. Pentadbiran yang efisien dan efektif seperti yang disarankan oleh Charreaux (2004), Eagles (2008, 2009) menunjukkan bahawa pentadbiran yang efisien dan efektif melaksanakan tanggungjawab yang sistematik dan menunjukkan prestasi yang membanggakan.

Rujukan

- Abdullah, A. A., Harun, Z., & Abdul Rahman, H. (2011). Planning process of development Project in the Malaysian context: A crucial brief overview. *International Journal of Applied Science and Technology*, 1(2), 74–81.
- Chan, K. L. @ G., Sarah, A., Halimaton Saadiah, H., & Rahimah, A. A. (2010). Sistem Jaringan Governans untuk Langkawi Geopark: Pengkisahan Konseptual. *Akademika*, 80, 69–84. Retrieved from <http://pkukmweb.ukm.my/~penerbit/akademika/jademik.html>
- Charreaux, G. (2004). *Corporate governance theories: from micro theories to national systems theories*. FARGO n° 1041202. Retrieved from http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=486522 <http://leg.u-bourgogne.fr/wp/1041202.pdf>
- Dasimah, O., & Leh, O. (2009). Malaysian development planning system: Kuala Lumpur Structure Plan and public participation. *Asian Social Science*, 5(3), 30–36. <https://doi.org/10.5539/ass.v5n3p30>
- Eagles, P. F. J. (2008). Investigating governance within the management models used in park tourism. *Tourism and Travel Research Association Canada Conference*, 12. Retrieved from <http://ahsum.uwaterloo.ca/~eagles/documents/EaglesPaperonGovernanceofParkTourism.pdf>

- Eagles, P. F. J. (2009). Governance of recreation and tourism partnerships in parks and protected areas. *Journal of Sustainable Tourism*, 17(2), 231–248. <https://doi.org/10.1080/09669580802495725>
- Hashim, R. (2010). Issues in Electronic Procurement Project Implementation in Local Government. *International Journal of Information Technology Project Management*, 1(3), 59–70. <https://doi.org/10.4018/jitpm.2010070105>
- Hill, D. M. (1974). *Democratic theory and local government*. (D. M. Hill, Ed.) (1st ed.). London: Allen & Unwin.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2007). *Peranan pihak berkuasa perancang tempatan dalam pembangunan tanah*. Kuala Lumpur.
- Jusoh, H., & Ahmad, H. (2009). Keefisienan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan di Wilayah Bandaraya Kuala Lumpur: Perspektif komuniti. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 5(1), 54–68. Retrieved from <http://www.ukm.my/geografia>
- Nahappan, A., Hassan, A., Ramanathan, S., Chan, K. H., Tan, P. K., Panjang Aris, H. I., ... Zainuddin, M. S. (1970). *Report of the Royal Commission of Enquiry to Investigate into The Workings of Local Authorities in West Malaysia*. Kuala Lumpur. Retrieved from <http://www.refsa.org/wp/wp-content/uploads/2015/03/Athi-Nahappan.pdf>
- Pejabat Daerah dan Tanah Pulau Langkawi. (2015). *Jumlah penduduk di Mukim Kedawang*. Pulau Langkawi.
- Singaravelloo, K. (2008). *Measuring performance of local authorities using composite performance index and perceived performance score*. Universiti Putra Malaysia.
- Tayib, M. (1996). Pihak berkuasa tempatan di Malaysia. *Analisis*, 4(1), 47–58.
- Unit Perancang Ekonomi. (2009). *Garis panduan perancangan dan penyediaan program dan projek pembangunan*. Kuala Lumpur.
- Yahaya, I. (2015). *Tourism development and community change*. Terengganu: Penerbit Unisza.
- Zakaria, M. N., & Che Razak, R. (2011). Amalan sistem penyampaian perkhidmatan dan prestasi pihak berkuasa tempatan. In Conference Master Resources (Ed.), *International Conference On Management (ICM 2011) Proceeding* (pp. 1075–1089). Penang, Malaysia: Conference Master Resources.